Wadah Pembaharuan
BH ONLINE

Korea Selatan kurangkan guru kerana tidak ramai pelajar

April 13, 2024 @ 2:36pm



Gambar hiasan. - Foto AGENSI

SEOUL: Kerajaan Korea Selatan akan mengurangkan pengambilan guru sekolah rendah pada masa hadapan berikutan penurunan jumlah pelajar di negara itu.

Kementerian Pendidikan berkata kuota pendaftaran untuk maktab perguruan yang kekal tidak berubah selama 13 tahun, akan dikurangkan sebanyak 12 peratus

Ketika ini, sebanyak 13 universiti yang melatih bakal guru sekolah rendah mengambil 3,847 pelatih setiap tahun.

Selain Universiti Wanita Ewha, satu-satunya sekolah swasta yang tersenarai, baki 12 sekolah lain akan terjejas oleh pelan pengurangan berkenaan, di mana kuota tahunan dikurangkan kepada 3,390 kerusi pada 2025.

Pelan itu dibuat di tengah-tengah kebimbangan yang semakin meningkat terhadap pengambilan guru, kerana jumlah graduan daripada maktab perguruan melebihi kekosongan tempat mengajar di sekolah rendah.

Bilangan guru yang baru diambil bekerja pada 2024 menurun lebih 50 peratus berbanding 2014, tetapi kuota pendaftaran di maktab perguruan kekal dalam tempoh yang sama.

Kadar penerimaan bagi pelantikan guru baharu turun kepada 43.6 peratus pada 2024, berbanding 63.9 peratus pada 2018.

'Krisis pelantikan' ini berlaku apabila lebih daripada 150 sekolah rendah di seluruh negara tidak mempunyai pelajar tahun satu yang mendaftar pada 2024.

Kira-kira 369,000 kanak-kanak mendaftar di sekolah rendah pada 2024, jumlah terendah pelajar tahun satu yang baharu sejak kerajaan mula merekodkan statistik itu pada tahun 1970.

Pada 2022, sebanyak 8.5 peratus guru pelatih meninggalkan pengajian ketika tahun pertama di kolej.

Walaupun dengan pengurangan itu, masih terdapat kemungkinan krisis pelantikan kerana bilangan pelajar di universiti dijangka lebih tinggi daripada jumlah kekosongan kerja baharu.

Menurut rancangan bekalan guru Kementerian Pendidikan, bilangan guru sekolah rendah baharu adalah antara 2,600 dan 2,900 guru setahun dari 2026 hingga 2027.

Menurut seorang pegawai Kementerian Pendidikan, walaupun jumlah pelajar yang ingin menjadi guru dikurangkan, masih terdapat kelebihan 800 kuota berbanding kekosongan jawatan yang ada.

"Akan ada ruang untuk pelarasan (kepada bilangan kerusi) kerana kami perlu mempertimbangkan status operasi universiti, skala pengambilan baharu guru dan kadar pendaftaran pelajar sekolah rendah," katanya. - AGENSI